

**Bersekolah satu bumbung
boleh kukuhkan perpaduan**

EKORAN kontroversi sekolah satu aliran baru baru ini boleh Tan Sri terangkan kedudukan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan mengikut Penyata Razak dan Penyata Rahman Talib dulu?

Kalau nak faham dasar pelajaran kita hari ini kita hendaklah lihat kembali ketika dasar pelajaran itu digubal. Pada masa itu kira-kira 50 tahun lalu sudah ada sekolah kerajaan bahasa Melayu, bahasa Melayu, sekolah Inggeris dan sekolah lain yang diwujudkan oleh komuniti itu sendiri. Orang Cina dengan sekolah Cina dan India dengan sekolah Tamilnya. Dalam lain perkataan, perkaumanlah namanya.

Tapi apabila mendapat kemerdekaan kita memerlukan satu sekolah kebangsaan dan tiada sesiapa pun boleh mempertikaikan sekolah kebangsaan itu sekolah yang menggunakan bahasa Melayu. Lain daripada sekolah kebangsaan dipanggil sekolah jenis kebangsaan. Selepas 1969 apabila Rahman Yaakub menjadi Menteri Pelajaran, sekolah yang menggunakan bahasa Inggeris ditukar menjadi sekolah kebangsaan. Tiada lagi sekolah yang menggunakan bahasa Inggeris. Tapi sekolah yang menggunakan bahasa Cina dan Tamil dikekalkan menjadi sekolah jenis kebangsaan.

Apa perkara yang penting dalam akta ini ke arah mewujudkan perpaduan kaum?

Di dalam akta pendidikan dulu, menteri di beri kuasa untuk menukar sekolah jenis kebangsaan ini kepada sekolah kebangsaan pada bila-bila masa yang dianggap sesuai. Satu daripada faktor sama ada sesuai atau tidak ialah kehendak ibu bapa itu sendiri. Ini kerana satu fasal dalam Akta Pelajaran menyatakan dengan terang, tiap-tiap kanak-kanak akan diberi pendidikan mengikut kemahuan ibu bapa. Iaknanya kalau ibu bapa Melayu hari ini kalau mahu anaknya belajar di sekolah Cina, mereka tidak boleh dihalang. Begitu juga ibu bapa Cina yang nak menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan. Itu asasnya dan kita tidak boleh katakan dasar pendidikan di negara kita itu bersifat perkauman. Memang sudahpun ditegaskan dalam Akta Pelajaran itu juga pelajaran salah satu alat untuk menyatupadukan rakyat selain bahasa, pelajaran agama dan sebagainya.

Maknanya melalui Akta Pelajaran sekolah aliran boleh dikurangkan atau diganti sekolah kebangsaan?

Sepatutnya begitulah. Sekolah jenis kebangsaan semakin lama semakin kurang. Malangnya pada pendapat saya, kebanyakan mereka yang menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan dulunya adalah sekolah jenis kebangsaan Inggeris. Di situ lah juga banyak murid



yang bukan Melayu belajar. Jadi wujud percampuran antara kaum. Bukan disebabkan bahasa sangat. Sekolah ini ada bahasa Cina tetapi tidaklah tinggi sangat. Cuma apa yang kita patut lihat jarang sangat murid Cina atau India di kampung masuk ke sekolah kebangsaan melainkan di bandar seperti Victoria Institution di Kuala Lumpur. Mengapa ibu bapa Cina tertarik kepada sekolah kebangsaan ini tetapi tidak tertarik kepada sekolah kebangsaan? Ini satu persoalan yang kita patut tanya diri sendiri. Jadi kesimpulannya saya tidak fikir pencipta dasar pelajaran iaitu dari Tun Razak lagi bercita-cita mendirikan di negara ini melalui satu sistem kebangsaan yang bercorak perkauman. Saya yakin mereka mencipta satu dasar pendidikan kebangsaan dengan mengambil kira dua aspek penting iaitu bahasa ibunda dan pelajaran agama.

Tapi Tan Sri kata tadi bahasa sepatutnya menjadi alat memupuk dan mengeratkan perpaduan?

Kalau kita nak kata bahasa pun berapa ramai orang Cina bercakap Mandarin di negara ini semuanya menggunakan dialek. Cuma bahasa di sekolah saja bahasa Mandarin. Kalau dikatakan bahasa ibunda kita hapuskan bahasa Inggeris dulu kerana tiada orang boleh mengukunya. Bahasa ibundanya adalah bahasa Inggeris melainkan beberapa kerat keturunan yang sekarang ini dipanggil Eurasian. Itupun mereka sekarang lebih fasih berbahasa Melayu berbanding Inggeris. Jadi apa yang dikatakan Lee Kuan Yew itu bukan melihatnya dari perspektif sejarah.

Dulu saya pernah tulis kalau nak wujudkan satu bangsa yang bersatu padu, murid hendaklah belajar di bawah satu bumbung. Kita tidak kata mengikut identiti kaum. Dalam Laporan Keciliran yang saya sediakan itu saya kata bukannya pelajaran yang masuk ke dalam otak

SELAMA lebih 25 tahun berkecimpung dalam bidang Tan Sri Dr Murad Mohammed Noor 71 tentu sudah berkaitan dasar pendidikan kebangsaan yang dianggep perpaduan. Benarkah kesalahan ini patut diletakkan melaksanakan dasar pendidikan ini dulu atau keraja kehendak rakyat berbilang kaum? Wartawan Berita Dr Murad di pejabatnya di Bukit Damansara Kuala berkenaan. Dr Murad pernah terbabit dalam merang seperti Penyata Razak dan Penyata Abdul Rahman

saya yang boleh menyatupadukan kita tetapi percampuran. Kalau budak Melayu dan Cina belajar di satu tempat dia berkelahi sesama sendiri dan berkawan juga sama. Barulah ada tunas kesatuan. Ini tidak orang Cina ke sekolah Cina, orang Melayu sekolah Melayu. Saya juga betul-betul kecewa apabila Sekolah Wawasan yang bertujuan nak menyatupadukan pelajar telah ditentang hebat oleh segolongan rakyat kita.

Tidakkah ketika Laporan Razak sudah wujud kecenderungan ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah aliran mengikut kaum? Mengapa selepas itu pun tidak ada usaha atau dasar lain untuk mencerminkan perpaduan jitu?

Datuk Musa (Tan Sri Musa Hitam) sebelum jadi menteri dia pernah buat cadangan menyatakannya jangan ada aliran Cina. Ingat lagi dia telah dibawa ke mahkamah kerana kita tidak boleh persoalkan isu itu. Utusan Melayu pun telah diheret ke mahkamah dan saya menjadi salah seorang saksi yang menyatakan memang pelajaran yang menggunakan bahasa Cina selain di sekolah kebangsaan, menteri ada kuasa menukar sekolah ini kepada sekolah kebangsaan pada bila-bila masa yang dianggap sesuai. Malangnya kita telah pinda soal itu baru baru ini dan sekarang ini tidak boleh ditukar lagi.

Saya sendiri ketika saya berkhidmat sebagai Pengarah Pendidikan Kelantan ada sekolah mempunyai 30 murid Tamil manakala di sekolah kebangsaan terdekat ada 60 hingga 70 murid Tamil. Jadi sekolah 30 murid ini ibarat hidup segan mati tidak mahu. Pada masa itu menteri menggunakan kuasa yang ada menukar sekolah ini menjadi sekolah kebangsaan dan murid-muridnya tidak perlu berpindah. Saya lupa nama sekolah itu.

Jadi saya ingat apabila berpuluh tahun selepas kita mencapai kemerdekaan kita masih lagi menggunakan aliran sekolah begini yang mencerminkan perkauman. Inilah yang saya fikir apa yang diperkatakan oleh Lee Kuan Yew itu.

Tapi meskipun ada sekolah berlain aliran kita menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Bagi tokoh

pendidikan bekas Ketua Pengarah masak dengan isu dan kemelut yang tidak menjurus ke arah di bahu mereka yang mencipta dan an terlalu bertolak ansur melayani Minggu ZAINUDIN ISA menemu bual Lumpur kelmarin bagi melerakan isu ka beberapa dasar pendidikan awal Talib

sejarah dan bahasa mereka berpegang kuat bahasa boleh menjadi alat penyatuan kaum berkesan?

Sekolah kebangsaan tafsirannya ialah mereka menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama. Ini juga bermakna tidak ada tegahan di sekolah kebangsaan jika mereka mahu menggunakan kesusasteraan Cina. Tamil, Inggeris, Perancis atau satu dua mata pelajaran yang bahasanya selain daripada bahasa Melayu. Kalau ditafsirkan di segi jam, misalnya kita ada 1300 minit sehari. Kalau 700 minit bahasa Melayu digunakan, maknanya kita telah mencapai hasrat itu.

Ringkasnya, tidak betul kalau orang Cina mengatakan kalau anak mereka pergi ke sekolah kebangsaan, mereka akan dimelayukan. Ini kerana anak mereka masih lagi boleh belajar bahasa Cina yang sama sukatan pelajarannya dan ini apa yang dipelajari di sekolah Cina.

Tapi yang mungkin menunjukkan perkauman sekolah jenis kebangsaan juga dibolehkan menggunakan bahasa ibunda masing-masing?

Bagi saya, tidak timbul persoalan jika dalam bilik darjah, murid belajar Matematik Sains, Sejarah dalam bahasa Cina, asalkan ia mengikut sukatan yang sama. Maknanya, apa yang murid Cina belajar dalam bahasa Cina, murid Melayu di sekolah kebangsaan juga belajar dalam bahasa Melayu, jadi tiada masalah. Apa yang ingin saya katakan, adakah pentadbiran sekolah dibuat dalam bahasa Malaysia? Morning assembly (perhimpunan pagi) misalnya, mengapa guru besar tidak boleh bercakap dalam bahasa Melayu? Tidak kira sekolah apapun. Misalnya, guru besar di sekolah Cina bercakap Melayu, itu boleh menurunkan taraf sekolah itu menjadi sekolah bukan sekolah jenis kebangsaan Cina atau Tamil. Surat menyurat misalnya di antara sekolah dengan ibu bapa, mengapa perlu dalam bahasa ibunda masing-masing?

Siapa sebenarnya yang patut dipersalahkan dalam hal ini?

Salahkan kita. Mengapa tidak kita mengamalkan tindakan sehingga ia begitu longgar sampai sekarang ini? Tapi kalau kita kata begitu, ba-

rangkali kita dituduh menghasut atau macam macam tuduhan lagi. Tapi saya bercakap semata-mata sebagai seorang pendidik. Lagipun saya masih lagi berkecimpung dalam dunia pendidikan. Puncanya, kita tidak buat satu sistem yang menyatukan murid-murid walaupun ada sekolah Cina atau sekolah Tamil. Tidak semestinya kalau kita nak bersatu, anak keturunan Cina, India dan Melayu kena belajar matematik atau sejarah dalam bahasa Melayu barulah dia faham sejarah Malaysia. Kalau sukatan pelajarannya sudah sama, itu sudah mencukupi. Lagipun ini hanya setakat sekolah rendah selama enam tahun.

Tapi adakah kita pada hari ini tahu atau mengambil tahu berapa banyak sekolah swasta yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar? Kita tidak ambil tahu kerana ia tidak masuk dalam sistem pendidikan kerana ibu bapa bayar duit sendiri (ke sekolah swasta).

Jadi di sini bukan bahasa saja menjadi alat tunggal menyemai perpaduan di peringkat sekolah?

Ya, alat perpaduan bukannya semata-mata bahasa. Macam saya kata tadi, dulu kalau kita pergi ke sekolah Cina, suasana kecinaannya itu wujud. Jadi perlahan-lahan kita tukarkan di papan kenyataannya supaya jangan ada tulisan Cina. Kalau sekolah Cina di depannya mesti ada gelanggang bola keranjang, kita tukarlah identiti ini sedikit-sedikit. Kita kata iktaklah padang sepak takraw. Makanan juga begitu yang dijual di kantin, biarlah makanan yang halal.

Tapi kalau dilihat trend hari ini, ibu bapa Cina atau India dikatakan ramai yang menghantar anak mereka ke sekolah aliran masing-masing. Pada pandangan Tan Sri, apakah sebabnya?

Sebabnya, dulu kita menggunakan bahasa Malaysia. Sekarang semuanya nak bahasa Inggeris. Misalnya Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) 100 peratus menggunakan bahasa Inggeris. Adakah di negara ini mempunyai satu universiti persendirian yang menggunakan bahasa Malaysia? Tidak ada.

LIHAT MUKA 14

Murid Melayu, Cina dan India dalam satu kelas

BH 25 MAR 2001
DARI MUKA 12

Tapi Akta IPTS 1996 membolehkan penggunaan bahasa lain?

Bukan atas dasar IPTS IPTS dikelolakan oleh ahli peragaan Kalau saya ada duit dan nak bina satu universiti di negara ini saya tidak boleh buat dalam bahasa Melayu kerana tidak ada pelanggan nak bayar yuran RM5 000 kerana ia menggunakan bahasa Melayu Tapi kalau menggunakan bahasa Inggeris sampai RM20 000 pun sanggup kerana menggunakan bahasa Inggeris Tapi Tidak lulus jadi jurutera Melayu apa bezanya jurutera yang asalnya belajar di sekolah kebangsaan atau universiti biasa Macam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) apa kurangnya jurutera kita Kita juga punya doktor di universiti yang boleh membuat pemindahan hati dan sebagainya Dari mana asalnya mereka ini? Mereka belajar bahasa Melayu juga asalnya Maknanya kalau dulu skiranya kita menekankan bahasa Inggeris barangkali bahasa Melayu tidak akan sampai ke puncaknya seperti hari ini

Masa itu hubungan bahasa Malaysia dengan kebangsaan bahasa Malaysa dengan Melayu bahasa Malay ia dengan politik ia cukup sinonim Hilangnya bahasa Melayu hilangnya Umno Hilangnya bahasa Melayu hilangnya Dewan Bahasa Tapi sekarang ini orang Melayu sendiri sudah berubah fikiran

Salah satu cadangan mewujudkan sekolah satu aliran saja iaitu sekolah kebangsaan Tapi reaksi kebanyakan masyarakat Cina dan Tamil menolaknya dengan alasan tidak bermakna sekolah berlainan aliran semangat perpaduan tidak boleh dicapai?

Memanglah Di Ireland mana ada satu sekolah untuk Katholik dan satu sekolah Protestan Jika ada pun berperang juga mereka sesama sendiri Yang nak kita pentingkan ialah percampuran hendaklah diadakan dari awal bermula usia kecil Tapi perkara ini sudah kita pikirkan mereka itu cukup jauh Misalnya saya mempunyai rakan rakan Cina dan India Kalau saya selidiki siapa mereka ini semuanya ke mana kami satu sekolah di sekolah Inggeris dulu Saya bermain sekali dengan mereka belajar malah bertembuk dengan mereka Kalau saya bertembuk sekalipun dengan budak Cina dulu orang tidak kata itu (pergaduhan) Melayu dengan Cina pasal kami satu sekolah Tapi kalaulah saya di sekolah Melayu sekarang bertembuk dengan budak sekolah Cina ia jadi melarat

mengapa jika padang itu asalnya di sekolah Cina murid Cina saja yang pakai Bersatulah ketiga tiga sekolah dengan guru gurunya sekali Kalau nak dianjurkan sukan apa pasal kita cari murid sekolah lain yang berpuluh batu jauhnya walhal boleh diadakan sukan di antara ketiga tiga sekolah berhampiran itu Banyak lagi aktiviti sekolah yang boleh dikongsi Jadi bila (murid dan guru) berjumpa dan bertemu paduan mudah dipupuk

Pada masa itu kita nampak integrasi boleh dijalankan Tapi bila diselidiki berapa banyak sekolah yang boleh diintegrasikan macam ini Tidak banyak Adalah dua tiga sekolah di seluruh negara Jadi kalau kita buat masa tu orang akan kata sudah khabar dari rupa saja Tapi bila kita nak buat Sekolah Wawasan lebih formal strukturnya lebih baik dan integrasi boleh dilaksanakan sayangnya ada pihak yang tidak setuju

Mungkin Tan Sri ada cadangan untuk menyelesaikan kemelut ini?

Bagi saya kita patut menjadikan sekolah kebangsaan itu lebih menarik bukan saja kepada murid Melayu tapi murid Cina dan Tamil Untuk menariknya janganlah kita tonjolkan banyak saingat ciri ciri perkauman atau ciri ciri Melayu Begitu juga di sekolah Cina Kalaulah sebagai permulaan kita kata sekolah Cina jangan pakai tuisan Cina pada padang tandanya mahukah mereka ini ranyanya?

Jadi Tan Sri kurang yakin sekolah satu aliran boleh dilaksanakan?

Boleh dicapai tapi kenalah dengan persetujuan semua kaum

Apa cara lain yang boleh diterima semua kaum tanpa ada perasaan syak wasangka atau sentimen negatif?

Pertama kita lihat dari segi kurikulumnya Pelajaran bahasa Cina mesti diajar di situ (di sekolah kebangsaan) Itu satu data pada cipta untuk menaiki kaum lain Kedua adakan aktiviti nasional seperti perayaan dan sebagainya Ketiga kita jalinkan perpaduan melalui sukan Guru atau pentadbir sekolah juga begitu Kalau di kampung dari dulu hingga sekarang kita ayyik hantaku U Melayu saja dan guru Cina kita hantar di bandar Jadi masyarakat Cina di luar bandar bila dia tengok muka Melayu dia tak mahu pergi Tapi kalau ada cikgu Cina di sekolah itu lain perasaannya

Mengapa berlaku perkara sedemikian?

Janganlah tanya saya saya pun salah juga sebab

saya pernah jadi Ketua Pengarah Contohnya kalau kita buka kedai makan dan ingin menarik orang Cina masuk kita kena ada ciri ciri yang menarik kedatangan mereka Jadi satu daripada adangan saya ialah kita berusaha menarik ramai lagi pelajar bukan Melayu di sekolah kebangsaan terutama di luar bandar kerana proses integrasi itu mudah skit berliku di luar bandar sebab ibu bapa lirlainan kami tinggal dalam kawasan yang hampir sama

Bagaimana perpaduan dipupuk sedangkan kini pelajar tidak perlu melalui sistem persekolahan biasa kerana boleh terus ke peringkat menengah dan universiti swasta?

Memang ini boleh berlaku Itulah bila mereka balik dari luar negara dan bekerja mana nak ada ntegi

Mengapa berlaku kelonggaran seperti ini?

Jangan tanya sayalah tanya orang politik Dalam pendidikan kita kena wujudkan perpaduan sejak usia kecil Kita mahu murid Melayu Cina dan India berada dalam satu kelas berkawan dan saling hormat menghormati budaya masing masing Mereka juga menggunakan bahasa yang sama untuk bertutur dan kita beri peluang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua untuk men dapat pelajaran dan ilmu yang lebih tinggi Untuk memantapkan lagi hubungan kaum kita galakkan juga mereka belajar bahasa ketiga misalnya bahasa Manda n Tamil Arab dan sebagainya

Akhir sekali apa harapan Tan Sri supaya kemelut ini tidak berpanjangan?

Saya ingin tegaskan unsur perpaduan itu sememangnya wujud di dalam Akta Pendidikan yang dicipta 50 tahun dulu ketika Allahyarham Tun Razak iaitu menggunakan satu bahasa dan sukatan mata pelajaran yang sama di semua sekolah Sebab itu dikatakan jenis kebangsaan dan satu lagi sekolah kebangsaan Di dalam akta itu juga dijelaskan kanak kanak akan diberi pendidikan mengikut kemahuan ibu bapa Kemudian diberi pelajaran dalam bahasa ibunda dan jika bukan bahasa ibunda pendidkan itu boleh diketepikan Dengan itu sekolah Inggeris yang memang 50 tahun dulu dianggap penting sudah ditukar kepada sekolah kebangsaan bertujuan memperkukuhkan penguasaan bahasa kebangsaan Bukan dengan sebab mengatakan bahasa Inggeris itu tidak penting Dengan itu walaupun ditukar menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya bahasa Inggeri kena belajar mulai tahun satu lagi

Adakah kita sudah terlewat untuk merapatkan perpaduan melalui konsep Sekolah Wawasan yang dicadangkan itu?

Kita selalu macam itulah *Too little too late* Apabila sesuatu benda itu sudah berlaku dan tersebar semua sekali dipersalahkan Jadi orang yang tidak ada kena mengena orang itulah yang selalu nya menjadi mangsa

Mungkin patut dipersalahkan pembuat dasar pendidikan dulu?

Pembuat dasar dulu amat jelas Saya mempertahankan dasar pendidikan pada masa itu kerana mewujudkan tiga jenis sekolah Pemimpin seperti Tun Razak Rahman Talib atau Aminuddin Baki yang berani mengemukakan dasar ini termasuk Dr Mahathir Mohamad yang ketika itu menjadi Menteri Pelajaran Banyak yang mereka buat untuk memupuk integrasi kaum Tapi saya boleh salahkah politik juga macam Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Damansara saya tidak faham mengapa kita tidak boleh menyelesaikannya

Mungkin kerana kita banyak bertolak ansur?

Kalau kita boleh bertanya balik pengorbanan apa yang kita buat Apa keuntungan yang negara dapat? Adakah negara untung kita adakan sekolah yang ada seperti sekarang ini Adakah ini yang terbaik kepada negara Saya pernah katakan kepada orang yang kononnya berjuang atas nama bahasa Anak mereka tidak pernah dihantar ke sekolah Melayu Cina atau Tamil Mereka hantar anak ke luar negara Tapi di sini mereka bermati matian berjuang

Dr Mahathir pernah menyatakan ada kemungkinan orang Cina dan India takut menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan kerana kini ada ciri keislaman?

Bagi saya banyak (sekolah kebangsaan) kini beridentitikan Melayu daripada Malaysia Adakah sekolah kebangsaan kita mencerminkan kaum yang ada di negara kita? Mengapa kita tidak pernah buat majlis perayaan Tahun Baru Cina di sekolah kebangsaan? Kalau anda jadi guru besar beranikah anda buat begitu Kalau majlis Maulud Nabi boleh dibuat bermakna kita sendiri memisahkan orang yang bukan Melayu Pada pandangan saya yang dikatakan oleh Perdana Menteri itu ada betulnya tetapi di sekolah kampung bukan di bandar atau sekolah kebangsaan yang dulunya sekolah Inggeris Di situ sudah tersemat bibit bibit perpaduan

Sebagai alternatif ada beberapa pihak mahu kerajaan mengkaji semula konsep Sekolah Integrasi yang dicadangkan sekitar 1985 dulu Adakah ini masih relevan?

Sekolah integrasi itu (dicadangkan) ketika saya masih menjadi Ketua Pengarah Pelajaran lagi Bukan sekolah yang integrasi tapi kita menggunakan kemudahan sekolah secara berkongsi Misal nya kalau ada padang bola satu saja dan di sekitarnya ada sekolah Cina Tamil atau kebangsaan